

# Pilu lihat rumah diranap banjir

KOSMO 25/1

RAUB – Sebuah rumah di Kampung Kuala Semantan, di sini ranap ‘ditelan’ arus deras ketika kejadian banjir Ahad lalu.

Mohd. Shafiq Baharuddin, 16, yang mendiami rumah berkenaan bersama ayah dan ibu serta enam adik-beradiknya terkejut apabila mendapati rumahnya itu sudah ranap sekembalinya dari pusat pemindahan sementara Isnin lalu.

“Selepas banjir surut sedikit, saya kembali ke rumah untuk mengambil mana-mana barang yang masih boleh diselamatkan.

“Terkejut saya apabila tiba di halaman, rumah sudah ranap. Tiada apa yang dapat diselamatkan lagi,” katanya pilu ketika ditemui *KOSMO!* di sini semalam.

Shafiq berkata, hanya pakaian sahaja yang sempat diselamatkan sementara barangan elektrik seperti televisyen, peti sejuk dan mesin basuh rosak akibat ditenggelami air.

“Kad pengenalan saya pun tak sempat nak selamatkan,” katanya yang ditemani seorang rakannya, Mohd. Khairul Zaman Kamaruddin, 15, yang sama-sama meninjau keadaan rumah tersebut pagi semalam.

Ibu Shafiq, Rohani Ramli, 39, ketika ditemui di pusat pemindahan sementara di Masjid Kuala Semantan berkata, beliau sungguh sedih apabila dimaklumkan rumah mereka itu sudah musnah dilanda arus deras.

“Akak dah duduk di rumah itu sejak kecil lagi kerana ia merupakan rumah milik ayah akak. Mula-mula memang jaraknya dari sungai agak jauh, tapi makin lama tebing runtuh dan rumah makin hampir dengan sungai.

“Buat masa ini akak tak tahu nak pindah ke mana. Kami duduk sementara di masjid ini saja,” katanya sayu.



MOHD. SHAFIQ mengangkat cebisan papan rumahnya yang ranap dilanda banjir di Kampung Kuala Semantan, Raub, Pahang semalam.